



PERTUKARAN DOKUMEN ... Yeo (empat kiri) dan D. Kamarudin (tiga kanan) bertukar-tukar dokumen MoU pada majlis itu, turut kelihatan Edward (lima kiri).

DBKK dan UMS meterai MoU eratkan k-sama pelbagai bidang

NST 25.1.2018 3

OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengeratkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan, kebudayaan, pendidikan dan pelancongan.

Mayor Bandaraya Datuk Yeo Boon Hai berkata, kerjasama itu juga meliputi bidang penjana pendapatan, khidmat masyarakat, latihan dan program-program lain yang dipersetujui bersama.

Beliau berharap jalinan persefahaman itu dapat memberi impak positif bukan sahaja kepada DBKK dan UMS malah kepada masyarakat khususnya di bandaraya Kota Kinabalu.

“Melalui MoU ini, kerjasama dalam melaksanakan Eco Smart City selari dengan konsep EcoCampus yang dilaksanakan oleh UMS.

“Kedua-dua pihak akan bergabung kepakaran dan tenaga penyelidikan untuk meningkatkan lagi kualiti hasil kajian bagi manfaat bersama, menjana pendapatan melalui kerjasama strategik dan memperkasa sistem pengurusan sisa pepejal di bandaraya.

“Selain itu DBKK dan UMS juga akan berkongsi kepakaran, teknologi, pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan perkhidmatan

terbaik kepada warga bandaraya,” katanya pada majlis menandatangani MoU antara DBKK dan UMS, di Hotel Le Meridien, di sini, pada malam Selesa.

Turut hadir Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri merangkap menteri yang bertanggungjawab kepada DBKK Datuk Ir. Edward Yong Oui Fah, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamaruddin D Mudin, Ketua Pengarah DBKK Datuk Joannes Solidau, ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS dan ahli-ahli lembaga penasihat DBKK.

Yeo berkata, melalui persefahaman itu, kerjasama strategik bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam aktiviti kemasyarakatan dan meningkatkan budaya sukarelawan terutama dalam aktiviti yang melibatkan kerjasama kedua-dua pihak akan terus dipertingkatkan.

“Semoga dengan termentainya MoU ini, ia akan membantu DBKK mencapai visinya menjadikan Kota Kinabalu sebuah bandaraya bersih, hijau dan berdaya huni,” katanya.

Sementara itu D. Kamarudin berkata, kerjasama pintar antara UMS dan DBKK sudah lama terjalin melalui penganjuran pelbagai aktiviti termasuk Perarakan Berjubah sempena Majlis Konvokesyen UMS, aktiviti kemasyarakatan melibatkan pelajar UMS seperti pembersihan Sungai Likas dan Sungai Inanam ser-

ta Program Gap Year.

“Kerjasama ini akan memberi peluang pelaksanaan pelbagai aktiviti dan penganjuran program berimpak tinggi antara UMS dan DBKK.

“Saya percaya hubungan yang terjalin ini memantapkan lagi kerjasama sedia ada dan yang bakal dianjurkan bersama pada masa akan datang,” katanya.

D. Kamarudin berkata, menerusi visi DBKK yang ingin menjadikan Kota Kinabalu sebagai bandaraya bersih, hijau dan berdaya huni menjelang 2020, UMS juga tidak ketinggalan menjadikan UMS sebagai Universiti Eco-Campus.

“Pada tahun 2017, ranking UMS dalam Ui Greenmetric World University Ranking meningkat ke tempat 37, berbanding kedudukan tahun 2016 iaitu di tempat ke-44 dunia.

“Indicator penilaian yang digunapakai adalah statistik kehijauan kampus sebanyak 15 peratus, pengelolaan sampah 18 peratus, energy dan perubahan iklim 21 peratus, penggunaan air 10 peratus, pengangkutan 18 peratus dan pendidikan 18 peratus,” katanya.

D. Kamarudin berkata, UMS juga sedang giat memacu Transformasi ke arah Universiti Industri 4.0 selaras dengan ledakan Revolusi Industri keempat yang akan banyak mencorak kehidupan manusia pada masa akan datang.